



SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Langkah Pencegahan Penularan COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> • Menampal makluman berkaitan dengan amalan norma baru kehidupan; ▪ Menyediakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangan petugas bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran penganut; ▪ Semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat, ketua agama dan petugas perlu menjalani saring kesihatan sebelum memulakan tugas; ▪ Diwajibkan memakai pelitup muka dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>; ▪ Kerap melakukan proses pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan kawasan sekitarnya; ▪ Tidak berkongsi peralatan dan bahan sembahyang; dan ▪ Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.



SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
2. Kawalan dan Pengesanan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran; ▪ Ahli Jawatankuasa Pengurusan rumah ibadat, petugas dan penganut hanya terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja; ▪ Menghadkan bilangan penganut dengan memastikan penjarakan sosial 1 meter masih dipatuhi; ▪ Mana-mana Ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat, petugas dan penganut yang demam atau mempunyai gejala batuk, sakit tekak, selsema atau sesak nafas tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah ibadat; ▪ Tidak mengadakan sebarang aktiviti berjadual seperti kelas keagamaan dan kebudayaan.



SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
3. Penandaan Jarakan	<ul style="list-style-type: none">▪ Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan penganut di dalam dewan dan ruang ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter; dan▪ Memastikan penjarakan sosial juga dilakukan semasa penganut menunggu giliran di kaunter saringan.



SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
4. Amalan Kebiasaan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penganut yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah tidak digalakkan hadir; ▪ Penganut diwajibkan membawa kad pengenalan diri dan memakai pelitup muka; ▪ Melaksanakan penjarakan sosial di dalam dan luar rumah ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain; ▪ Cara masuk dan keluar rumah ibadat mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal; ▪ Penganut perlu bersurai dalam keadaan tenang; ▪ Elakkan aktiviti bersalaman dan bersentuhan; dan ▪ Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar rumah ibadat.